

Intelektual: Satu Perbincangan Konseptual

Ruslan Zainuddin
Rosiatimah Mohd Isa

Konsep 'intelektualisme' mempunyai makna yang berbeza-beza. Dari segi falsafah moral, perkataan ini digunakan untuk menyamakan apa yang dikatakan 'kebaikan' dengan ilmu pengetahuan dan apa yang dikatakan 'kejahatan' dengan 'kejahilan'. Dalam bidang estetika, fahaman intelektualisme mementingkan idea dan citarasa yang dinyatakan pada benda-benda atau karya-karya seni. Manakala dalam teori ilmu pengetahuan, intelektualisme disamakan dengan rasionalisme, dan di sini intelektualisme menitikberatkan akal fikiran daripada emosi dan gerak hati. Artikel ini bertujuan untuk mengupas maksud konsep 'intelektual' dan siapakah yang layak dipanggil sebagai 'intelektual' di kalangan masyarakat.

PENGENALAN

Bagi masyarakat umum, imej seorang intelektual seringkali digambarkan sebagai 'ilmuwan lulusan universiti yang mempunyai perwatakan yang serius; selalu berfikir; suka melontar idea atau kritik; gemar berdiskusi dalam wacana-wacana akademik; atau talk show di televisyen; kerap membentangkan kertaskerja dalam seminar-seminar, atau menghasilkan tulisan-tulisan kritis dalam pelbagai media, serta gemar berbicara dengan menggunakan pelbagai ungkapan yang kadang kalanya tidak pernah didengar, ataupun amat sukar untuk difahami'.

Begitulah pandangan masyarakat umum kepada golongan intelektual. Mereka sering dirujuk sebagai orang yang dianggap berilmu dan mencapai satu tahap pendidikan yang tinggi berbanding dengan anggota masyarakat yang lain.

Mereka digelar dengan pelbagai istilah seperti ilmuwan, cendekiawan, kaum cerdik pandai, golongan terpelajar dan pakar ilmu. Kadang kala ungkapan yang lebih klasik juga digunakan seperti pendeta, mahaguru, bijak bistari dan bijak pandai. Pendek kata, istilah intelektual digunakan secara meluas untuk merangkumi kesemua maksud yang dibayangkan oleh pelbagai ungkapan di atas.

Memang menjadi kebiasaan masyarakat umum untuk mengaitkan intelektual dengan ijazah universiti. Pada tahap tertentu, anggapan ini mungkin ada benarnya. Seperti yang disebut oleh Schumpeter (1976), walaupun bukan semua orang yang mendapat pendidikan tinggi itu intelektual, tetapi mereka berpotensi untuk menjadi intelektual. Pendidikan tinggi membolehkan seseorang menguasai kemahiran tertentu untuk melakukan kegiatan intelektual seperti latihan berfikir yang sistematik, asli dan kritis. Namun orang yang mempunyai kecerdasan semulajadi yang exceptional dan belajar daripada pemerhatian dan pengalaman sendiri juga boleh menguasai semua kemahiran ini. Apabila kemahiran ini digunakan secara serius dan berdisiplin, ia boleh menyumbang kepada pelbagai penemuan baru yang bermakna dalam kehidupan manusia, dan melayakkan orang itu dipanggil sebagai intelektual. Ini dapat dibuktikan melalui pengalaman di masa silam kerana ramai di antara ahli falsafah, saintis, atau pengarang yang telah memberi sumbangan besar kepada kehidupan manusia hari ini tidak pernah mendapat pendidikan tinggi secara formal di universiti.

Namun seorang siswazah atau pensyarah juga tidak semestinya seorang intelektual. Penjelasan Bell (1960) tentang perbezaan di antara intelektual dengan sarjana mungkin dapat meleraikan kekeliruan ini. Menurut beliau, seorang sarjana mempunyai satu bidang ilmu pengetahuan yang terbatas dan satu tradisi, dan cuba mencari tempatnya dalam bidang dan tradisi itu. Dia menyumbang seperti menambahkan lagi satu kepingan untuk melengkapkan satu mosaic kepada ilmu pengetahuan yang telah terhimpun dan teruji di masa lalu. Manakala seorang intelektual bermula dengan pengetahuan, pengalaman dan pengamatan dalam kehidupannya sebagai individu terhadap dunia yang berada di sekelilingnya. Maka dari situ, dia akan meneroka untuk memberi sumbangan yang bermakna dalam kehidupan manusia. Berasaskan huraian ringkas ini, siapakah yang dapat dikatakan sebagai seorang intelektual di kalangan masyarakat?

CIRI-CIRI UMUM INTELEKTUAL

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), istilah intelektual merujuk kepada 'orang yang mempunyai kemampuan tinggi untuk berfikir'. Dalam bahasa Arab, istilah ini mempunyai persamaan dengan perkataan *thaqafah* yang bermakna 'cepat

belajar'. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, perkataan *thaqafah* digunakan untuk membawa maksud cerdik, pandai atau pintar. Seorang sarjana Islam, Bennabi (2005) berpendapat bahawa *thaqafah* mempunyai persamaan dengan perkataan mahir (*hadhaqa*) dan cerdik (*fatana*). Apabila dikaitkan dengan ilmu pengetahuan, maka istilah ini memberi makna 'orang yang cepat menerima dan memahami ilmu pengetahuan.'

Seorang ahli sosiologi, Wright (1979) berpendapat bahawa konsep 'intelektual' mempunyai tiga pengertian yang saling berkait rapat. Pertama, 'intelektual' merujuk kepada satu sifat umum yang terdapat dalam semua kegiatan manusia, iaitu penggunaan akal atau minda. Semua kegiatan manusia, sama ada bersifat rutin atau sebaliknya melibatkan satu proses yang menggunakan akal. Kedua, 'intelektual' merupakan satu bentuk kegiatan pekerjaan yang khusus, iaitu bentuk kegiatan pekerjaan yang melibatkan penyampaian dan penyebaran ilmu atau idea. Ketiga, 'intelektual' merujuk kepada satu kategori orang, iaitu orang yang kegiatan asasnya tertumpu kepada usaha menyampai dan menyebarkan ilmu atau idea.

Dalam memberi definisi ini, ada sarjana yang cenderung melihat intelektual bukan sahaja mereka yang menghasilkan kerja-kerja bercorak intelektual, tetapi juga terlibat dalam mentafsir, menyebarkan dan mengamalkan ilmu tersebut. Shils (1968) misalnya melihat intelektual sebagai sekumpulan orang dalam sesuatu masyarakat yang menggunakan simbol-simbol umum dan abstrak tentang manusia, masyarakat, alam tabii dan alam semesta. Simbol-simbol itu digunakan untuk berhubung dengan orang lain, serta meluahkan apa yang tersirat. Hofstadter (1969) pula mengaitkan intelektual dengan sifat-sifat seperti kritis, kreatif, berfikir, menyelidik, menganalisis, membuat teori dan menyelesaikan masalah masyarakat. Bagi Coser (1965), intelektual itu dicirikan oleh sikap kritis kepada institusi yang ada, kebiasaan cara berfikir yang wujud, dan cita-cita intelektual itu ditujukan untuk mengubah keadaan yang ada selaras dengan gagasan tertentu yang ingin diperjuangkan. Manakala Zaini Ujang (1993) pula menekankan kepada kemampuan daya fikir yang tinggi sebagai kriteria penting bagi seseorang intelektual. Baran (1987) mencirikan intelektual sebagai orang yang bekerja dengan menggunakan otak dan diterima oleh masyarakat sebagai pemikir yang disebut juga sebagai 'pekerja intelek'. Lepp (1968) bukan sahaja berpendapat bahawa ... intellectuals are not necessarily more intelligent than other men, walaupun ... some mental ability is necessary to be an intellectual, malah menyatakan all those for whom the life of mind has a preponderant place can be considered intellectuals regardless of their profession (hlm. 5-6). Bagi Sanusi Osman (1998), kelulusan akademik bukan syarat utama untuk menjadi intelektual, tetapi apa yang diperlukan ialah pemikiran yang kreatif, tajam dan mendalam. Dengan mempunyai pemikiran yang kreatif,

seseorang intelektual itu dapat memeriksa, mengkaji, membuat teori, mengkritik dan menilai kesimpulan yang sedia ada tentang sesuatu perkara dengan melihat perkara tersebut secara keseluruhan.

Syed Hussein Alatas (1992) menggariskan enam ciri sosial yang menurutnya perlu ada kepada seorang atau kumpulan intelektual seperti berasal daripada pelbagai kelas dalam proporsi yang berbeza-beza; menjadi pendukung atau penentang berbagai gerakan politik dan budaya; sebahagian besarnya bekerja sebagai penulis, penerjemah, wartawan atau penyair; mempunyai minat yang mendalam kepada ilmu pengetahuan, terutamanya melibatkan gagasan seperti seni, budaya, agama, ekonomi dan kehidupan yang lebih baik; pada tahap-tahap tertentu mereka agak terasing daripada masyarakat, serta selebihnya bergaul sesama sendiri; dan mereka merupakan kelompok minoriti di dalam masyarakat. Manakala Hassan Ahmad (1988) meletakkan beberapa ciri yang perlu ada pada seseorang intelektual seperti mempunyai daya berfikir yang kreatif; rasional dan sistematik; dapat menggunakan akal dan ilmu untuk memahami dan membantu menyelesaikan masalah-masalah praktik yang dihadapi di sekelilingnya; sentiasa berusaha mencari ilmu dan mengembangkan fikirannya untuk kepentingan masyarakat; mempunyai fikiran yang sentiasa terbuka kepada idea-idea baru; boleh dianggap sebagai pencipta idea, penyuluh kepada orang lain; tidak terlalu bersifat akademik, tidak terpengaruh oleh perasaan apabila menyatakan sesuatu dan sentiasa mencari kebenaran berasaskan akal fikiran dan fakta-fakta yang boleh diterima, serta tidak terikut-ikut dengan pandangan yang bersifat dogmatik.

Berasaskan pandangan di atas, ternyata banyak ciri yang dikatakan perlu ada untuk membolehkan seseorang itu dianggap sebagai intelektual. Kepelbagaian ciri ini sebenarnya disebabkan oleh istilah intelektual itu sendiri yang merupakan satu konsep yang agak kabur. Ini menjadikan kebanyakan sarjana apabila diminta memberi takrif kepada konsep itu, mereka hanya melihatnya daripada sudut disiplin ilmu masing-masing. Kekaburan konsep ini menyebabkan ada di kalangan sarjana seperti Dhakidae (2003) pernah mempersoalkan apakah benar wujud satu kelompok orang tertentu di kalangan masyarakat yang dikenali sebagai 'intelektual'? Menurut Kagarlitsky (1988), pada zaman pemerintahan Czar di Russia, kewujudan golongan intelektual boleh dikenal pasti, iaitu mereka yang dihantar belajar ke Barat untuk tujuan 'menguasai ilmu dan peradaban Barat', dan apabila kembali ke tanah air memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran negara. Manakala di tempat-tempat lain, kewujudan intelektual sebagai satu golongan mungkin sukar untuk diyakini. Walau bagaimanapun konsep ini mungkin wujud dalam imiginasi seseorang seperti konsep 'bangsa' yang pernah disarankan oleh Anderson (1983) dari Universiti Cornell. Menurut Profesor Anderson, konsep bangsa adalah:

It is an imagined political community ... It is imagined because the members of even the smallest nation will never know most of their fellow-members, meet them, or even hear of them, yet in the minds of each lives the image of their communion (Anderson, 1983:15).

Namun ini tidaklah bermakna bahawa konsep bangsa itu merupakan satu khayalan semata-mata. Sebaliknya setiap anggota dalam sesuatu bangsa itu sedar walaupun mereka tidak bersemuka secara langsung di antara satu sama, tetapi dalam fikiran setiap orang wujud satu imiginasi tertentu bahawa mereka berasal daripada satu rumpun bangsa yang sama, menganuti satu agama, mengamalkan budaya yang serupa, atau dikaitkan dengan ikatan darah, atau jalinan hubungan kekeluargaan.

Manakala bagi golongan intelektual, hampir tidak ada satu unsur atau ikatan primordial yang boleh mengaitkan mereka seperti ikatan darah, agama, tanah, atau kekeluargaan seperti yang terdapat pada konsep 'bangsa'. Namun ini tidaklah bermakna tidak ada golongan intelektual dalam sesuatu kelompok agama, atau etnik tertentu. Golongan intelektual seperti ini memang wujud, tetapi tidak dikaitkan melalui ikatan primordial secara khusus. Sebaliknya mereka dihubungkan melalui peranan yang dimainkan oleh setiap individu dalam organisasi atau gerakan sosial yang mereka sertai. Golongan intelektual seperti ini muncul apabila sesuatu organisasi atau gerakan sosial dibangunkan untuk memperjuangkan sesuatu tujuan yang khusus. Dengan kata lain, walaupun kelompok intelektual tidak membentuk satu 'golongan' dalam ertikata yang sebenar dan tidak dikaitkan oleh sesuatu unsur atau ikatan primordial tertentu, tetapi setiap orang daripada intelektual ini dihubungkan melalui peranan yang dimainkan oleh mereka secara individu, sama ada melalui organisasi, atau gerakan sosial yang mereka wakili.

INTELEKTUAL DARI SUDUT KEGIATAN PEKERJAAN

Oleh kerana kesukaran untuk mentakrifkan konsep ini dengan tepat, maka ada di antara sarjana yang cenderung mendefinisikan intelektual dari sudut kegiatan pekerjaan atau peranan yang dimainkan oleh mereka. Benda (1960) misalnya melihat peranan intelektual bukan sahaja sebagai kelompok ilmuwan, tetapi juga peranan mereka sebagai pemimpin politik di negara yang baru merdeka sehingga mereka mampu membentuk satu golongan sosio-politik yang tersendiri. Abdul Rahman Embong (1996) pula menyingkap peranan tokoh-tokoh intelektual yang agung dalam sejarah seperti Sukarno dan Hatta di Indonesia, Gandhi dan Nehru di India, Mao Tze-tung dan Chou En-lai di China, Rizal di Filipina, Ahmad Boestamam dan Burhanuddin al-Helmy di Malaysia (sekadar menyebut beberapa nama) dalam mengasaskan tradisi intelektual tertentu seperti memperjuangkan

kebebasan, keadilan dan kesejahteraan rakyat, walaupun prinsip dan kepercayaan politik masing-masing berbeza.

Pandangan ini juga dikongsi bersama oleh beberapa orang sarjana yang lain. Abdul Rahman Haji Abdullah (2003) misalnya membahagikan intelektual dari sudut pekerjaan kepada dua jenis, iaitu ilmuwan profesional dan bukan profesional. Jenis pertama merujuk kepada mereka yang menggunakan ilmu pengetahuan sebagai pekerjaan sepenuh masa seperti ahli akademik di institusi pengajian tinggi. Manakala jenis kedua ialah golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, tetapi tidak menggunakan kegiatan ilmuwan sebagai bidang pekerjaan. Di sebalik kedua-dua kelompok ini, ada ilmuwan profesional yang selepas bersara menceburkan diri dalam kegiatan bukan akademik seperti memasuki bidang korporat.

Syed Hussein Alatas (1992) tanpa meletakkan kelayakan akademik sebagai kriteria asas untuk menjadi intelektual berpendapat bahawa orang yang mampu memanfaatkan akalunya untuk berfikir dan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang yang diminati boleh memainkan peranan seorang intelektual di kalangan masyarakat. Manakala bagi Usman Awang (1987) dan Promoedya Ananta Toer (1987), walaupun kedua-dua mereka bersetuju bahawa penguasaan ilmu pengetahuan itu perlu kepada seseorang intelektual, tetapi apa yang lebih penting ialah kesediaan mereka untuk mengembangkan ilmu itu seiring dengan peredaran masa dan memainkan peranan yang bermakna kepada kehidupan manusia.

Penjenisan intelektual dari sudut kegiatan pekerjaan atau peranan ini menggolongkan mereka ke dalam semua lapisan kelas sosial. Ini bermakna intelektual tidak terikat kepada sesuatu kelas sosial tertentu, tetapi boleh berasal daripada mana-mana lapisan kelas, sama ada dari kalangan kelas atasan, pertengahan, mahupun kelas bawahan. Penjenisan seperti ini berkait rapat dengan pendekatan seorang ahli fikir Itali, Gramsci (1971) dalam menentukan kriteria yang dapat membezakan di antara intelektual dengan bukan intelektual dalam kegiatan yang bersifat intelektual. Gramsci yang tidak sehaluan dengan pendekatan Marx yang memisahkan pekerja 'mental' dengan pekerja 'manual' berpendapat 'dalam mana-mana kerja yang bersifat fizikal, walaupun di peringkat rendah sekalipun, pasti terdapat sekurang-kurangnya kemahiran teknikal yang paling minima, yang mencerminkan kegiatan bercorak intelektual'. Oleh itu beliau berpendapat bahawa kegiatan intelektual tidak boleh dipisahkan daripada sifat hakiki manusia. Atas alasan itu, beliau melihat semua orang di kalangan masyarakat berpotensi untuk menjalankan kegiatan bercorak yang intelektual, walaupun tidak semua orang yang mempunyai fungsi intelektual.

Menurut Gramsci, di luar bidang pekerjaan masing-masing, setiap orang ada membawa bersamanya satu bentuk kegiatan bercorak intelektual. Sama ada individu itu merupakan seorang ahli falsafah, artis atau manusia biasa, dia berkongsi konsepsi tertentu tentang dunia dan mempunyai kesedaran tentang batas-batas perlakuan moral, dan kerana itu dia turut menyumbang dalam mengekal, menukar atau mengubahsuai konsepsi tertentu dalam dunia di sekelilingnya. Berasaskan hujah ini, maka Gramsci berpendapat bahawa kaedah yang paling sesuai untuk membahagikan intelektual ialah melalui peranan sosial mereka, iaitu sama ada kegiatan pekerjaan itu secara khusus berkait dengan intelektual, atau lebih menekankan kepada penggunaan tenaga secara fizikal.

Justeru itu, Gramsci meluaskan pengertian intelektual dengan memasukkan mereka yang mengendalikan tugas-tugas 'teknikal' secara khusus dan 'pengarahan' meliputi kesemua lapisan sosial yang menjalankan fungsi-fungsi organisasi, sama ada dalam bidang pengeluaran, budaya, politik atau pentadbiran. Ini bermakna kategori intelektual tidak lagi terbatas kepada ahli falsafah semata-mata, tetapi termasuk juga pentadbir, pengurus, peguam, ahli politik, aktivis sosial, serta penyelenggara dan penggiat budaya seperti artis dan karyawan seni.

Menurut Gramsci, akibat perubahan pesat yang berlaku di kalangan masyarakat, setiap kumpulan individu perlu memikul sesuatu tugas yang lebih khusus. Walaupun semua tugas itu memerlukan sesuatu darjah intelektual atau kreativiti tertentu, namun sesetengah orang diperlukan untuk menjalankan tugas atau fungsi khusus yang berkait dengan taraf intelektual mereka. Misalnya tugas yang memerlukan kemahiran teknikal dalam bidang ekonomi. Lama-kelamaan orang ini akan menjalankan pula tugas-tugas pentadbiran dan organisasi secara umum yang berkait dengan kegiatan ekonomi. Begitu juga dalam bidang politik, setiap kumpulan sosial akan menghasilkan intelektual mereka sendiri untuk mewakili kepentingan kelompok itu dan mengembangkan kefahaman mereka tentang dunia di sekeliling.

INTELEKTUAL ORGANIK DAN INTELEKTUAL TRADISIONAL

Selain membahagikan intelektual secara 'menegak' (teknikal dan pengarahan), Gramsci juga mengkategorikannya secara 'mendatar' dengan membahagikan mereka kepada dua kumpulan, iaitu intelektual tradisional dan intelektual organik. Kategori pertama meliputi kelompok ilmuan seperti guru, pensyarah, ulama atau paderi yang melakukan tugas yang sama berulang kali daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Peranan dan kedudukan mereka tidak berubah walaupun berlaku

perubahan secara radikal dan menyeluruh ke atas sistem sosial dan politik. Intelektual tradisional tidak bersifat autonomus dan tidak bebas daripada kelompok sosial yang lebih dominan. Walaupun mereka merasakan diri mereka sebagai sebuah kumpulan yang bebas, tetapi itu hanya merupakan satu metos kerana pada hakikatnya mereka lebih bersifat konservatif dan sentiasa terikat kepada kelas pemerintah.

Menurut Gramsci, intelektual tradisional jarang boleh menimbulkan ancaman besar kepada nilai-nilai dominan di kalangan masyarakat. Walaupun mereka tidak semestinya berkongsi pandangan yang sama dengan pemerintah, tetapi mereka biasanya lebih bersedia untuk berkompromi yang sebahagian besarnya didorong oleh tekanan daripada institusi pemerintah, atau atas alasan ekonomi. Di peringkat mana sekalipun, intelektual tradisional sentiasa terlibat dalam penyebaran idea, dan cara pemikiran mereka pada dasarnya lebih bersifat konservatif. Walaupun tidak terdapat kawalan secara langsung tentang apa yang mungkin intelektual itu ingin nyatakan atau fikirkan, tetapi ideanya dilihat menjurus kepada memelihara kepentingan satu atau lebih kelas ekonomi, walaupun secara tidak langsung. Idea-idea yang berupaya diterima umum dan diinstitusikan ke dalam kehidupan sosial ialah idea-idea yang dilihat memelihara kepentingan kedua-dua belah pihak, iaitu kelas yang dominan, atau kumpulan yang semakin mendapat tempat di dalam masyarakat seperti kumpulan yang mula muncul sebagai kuasa pendesak baru.

Intelektual organik berkembang seiring dengan kelas pemerintah dan berfungsi untuk faedah dan kepentingan kelas tersebut. Melalui mereka inilah, kelas pemerintah berupaya mengekalkan kekuasaannya terhadap seluruh masyarakat. Intelektual organik umumnya lebih terikat secara langsung dengan struktur ekonomi masyarakatnya, dan berkait rapat dengan kelas yang mereka wakili. Mereka terdiri daripada aktivis yang bergiat dalam kesatuan sekerja, parti politik atau organisasi bukan kerajaan (NGO). Mereka bergiat secara aktif dan berjuang dalam saluran-saluran itu secara berterusan untuk mempengaruhi fikiran dan pandangan masyarakat. Intelektual organik dihubungkan di antara satu sama lain melalui 'kesamaan' dan 'kesedaran' tentang peranan yang perlu dimainkan. Mereka berpotensi melahirkan tindak balas hegemoni terhadap pemerintah melalui penglibatan dalam institusi-institusi penting. Mereka juga dilihat boleh mengancam hegemoni pemerintah. Bagi Gramsci, ada dua unsur yang boleh mencirikan sesuatu kumpulan intelektual sebagai organik. Pertama, mereka tergolong ke dalam satu kategori masa sejarah yang sama, yang membentuk dan menjelaskan kehadiran mereka. Kedua, intelektual ini mencipta sendiri satu lapisan yang melahirkan kesepaduan dan kesedaran tentang peranan yang harus dimainkan, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, atau politik.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kelompok intelektual tradisional dan organik tidak terpisah secara tegas. Menurut Gramsci, setiap mereka sekurang-kurangnya mempunyai kaitan dengan kumpulan sosial yang asas, walaupun kepentingannya tidak sama dengan kumpulan tersebut. Misalnya, pihak gereja dalam sepanjang sejarahnya terpaksa mencapai persetujuan dengan kumpulan sosio-ekonomi yang dominan, tetapi ini tidak bererti kepentingannya tidak sama dengan kumpulan tersebut. Kepentingan intelektual organik sebaliknya dilihat hampir seiring dengan kelas yang dominan berbanding intelektual tradisional. Malah apabila terdapat ramai intelektual tradisional yang bercanggah kepentingannya dengan kelas yang dominan, maka kelas yang dominan akan berusaha untuk mengasimilasi intelektual tradisional 'secara ideologi'. Dalam keadaan biasa, intelektual organik daripada kelas yang progresif akan lebih mampu untuk menguasai intelektual daripada kelompok yang lebih rendah. Akibatnya kesepaduan yang wujud di kalangan kesemua intelektual yang disatukan itu dijalin melalui 'ikatan psikologi' (perasaan kebanggaan dan sebagainya), dan bukan 'kasta' (pembahagian secara teknikal). Selagi kelas yang dominan mampu memelihara dan memajukan kepentingan sebahagian besar anggota masyarakat, maka 'sistem kesepaduan' ini akan terus kekal.

KESIMPULAN

Berasaskan perbincangan di atas, ternyata terdapat beberapa kriteria yang boleh digunakan untuk mentakrif seseorang itu sebagai intelektual. Pada umumnya kriteria itu dapat diringkaskan seperti berikut. Pertama, mereka berasal daripada pelbagai lapisan dan kedudukan sosial di kalangan masyarakat. Oleh itu mereka tidak membentuk satu kelas sosial yang tersendiri. Kedua, mereka tidak terikat oleh sesuatu unsur atau ikatan primordial, tetapi dihubungkan melalui peranan yang dimainkan oleh setiap individu di kalangan masyarakat, sama ada melalui kesatuan sekerja, parti politik, organisasi bukan kerajaan, atau gerakan sosial yang mereka wakili. Ketiga, fungsi utama mereka tertumpu kepada penghasilan dan penyebaran ilmu, atau menggerakkan masyarakat ke arah untuk sesuatu tujuan tertentu. Keempat, mereka menguasai bidang kepakaran masing-masing, serta sanggup mengembangkan ilmu dan fikirannya untuk kepentingan masyarakat. Kelima, mempunyai kemampuan berfikir dan berusaha mencari kebenaran dengan berdasarkan akal dan fakta-fakta yang boleh dipertanggungjawabkan. Akhir sekali, sentiasa peka kepada permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat dan negara, serta menyumbang dalam menyelesaikan masalah itu berasaskan kepakaran dan ilmu yang mereka miliki.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (1996). *Tradisi Intelektual dan Kebangkitan Semula Asia*. Pemikir, Jilid 6, Oktober-Disember, hlm. 12-23.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (2003). *Menjadi Intelektual*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anderson, B. (1983). *Imagined Communities: Reflections on the Origins and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Baran, P. (1987). 'Tanggungjawab Seorang Intelektual' (terjemahan Rosli Omar). Ilmu Masyarakat, Jilid 13, Oktober/Disember, hlm. 83-86.
- Bell, D. (1960). *The End of Ideology*, New York: Free Press.
- Benda, H. J. (1960). 'Non-Western Intelligentsias as Political Elites'. Australian Journal of Politics and History. Jilid 8, hlm. 205-218.
- Bennabi, M. (2005). *Krisis Intelektual Islam* (terjemahan Zulkarnain Mohamed & Farid Mat Zain). Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Coser, L. A. (1965). *Men of Ideas: A Sociologist's View*. New York: Free Press.
- Dhakidae, D. (2003). *Cendekiawan dan Kekuasaan dalam Negara Orde Baru*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Gramsci, A. (1971). *Selection from the Prison Notebooks*. London: Lawrence & Wishart.
- Hassan Ahmad (1988). Bahasa Sastera Buku – Cetusan Fikiran Hassan Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hofstadter, R. (1969). *Anti-Intellectualism in American Life*. New York: Vintage Books.
- Kagarlitsky, B. (1988). *The Thinking Reed, Intellectuals and the Soviet State from 1917 to the Present*. London: Verso.
- Lepp, I. (1968). *The Art of Being An Intellectual*. New York: Macmillan Company.
- Promoedya Ananta Toer (1987). Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.
- Sanusi Osman (1998). 'Peranan Intelek Melayu', dalam Abdul Karim Haji Abdullah (penyusun). *Melayu Hilang Keberanian?: Suatu Polimek*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd., hlm. 98-107.
- Schumpeter, J. A. (1976). *Capitalism, Socialism and Democracy*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Shills, E. (1968). 'Intellectuals' dalam David L. Sills (ed.). *International Encyclopedia of the Social Sciences*. New York: Macmillan & Free Press, hlm. 399-415.
- Syed Hussein Alatas (1992). *Intelektual dalam Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang (1987). *Peranan Intelektual*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.
- Wright, E. O. (1979). 'Intellectuals and the Class Structure of Capitalist Society', dalam Pat Walker (ed.). *Between Labour and Capital*, Sussex: Harvester Press, hlm. 191-211.

Zaini Ujang (1993). *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: IKD.

RUSLAN ZAINUDDIN, Fakulti Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

ROSIATIMAH MOHD ISA, Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, 02600 Arau, Perlis.